


GEMA SASTERA

100 HARI

MEMBINA MALAYSIA BAHARU

Ilusi Dalam Mimpi Realiti



313

 *Ratu Rimba*
NIAGARA





PRIME MINISTER

Tun Dr Mahathir Mohamad
(PPBM - Langkawi)

**2018
CABINET**

**DEPUTY PRIME MINISTER,
AND
WOMEN AND FAMILY
DEVELOPMENT MINISTER**

**Datuk Seri Dr Wan Azizah
Wan Ismail (PKR - Pandan)**

FINANCE



Lim Guan Eng
(DAP - Bagan)

HOME



**Tan Sri Muhyiddin
Yassin (PPBM - Pagoh)**

DEFENCE



Mohamad Sabu
(Amanah - Kota Raja)

EDUCATION



Dr Mazlee Malik
(PPBM - S. Renggam)

**RURAL
DEVELOPMENT**



Rina Harun
(PPBM - Titiwangsa)

**ECONOMIC
AFFAIRS**



**Datuk Seri Mohamed
Azmin Ali (PKR - Gombak)**

**HOUSING AND LOCAL
GOVERNMENT**



Zuraida Kamaruddin
(PKR - Ampang)

**HUMAN
RESOURCE**



M. Kulasegaran
(DAP - Ipoh Barat)

TRANSPORT



Anthony Loke Siew Fook
(DAP - Seremban)

**COMMUNICATIONS
AND MULTIMEDIA**



Gobind Singh Deo
(DAP - Puchong)

**AGRICULTURE AND
AGRO-BASED INDUSTRY**



Salahuddin Ayub
(Amanah - Pulau)

HEALTH




Dr. Dzulkofly Ahmad
(Amanah - Kuala Selangor)

9/5/2024
TDM
FOC

GEMA SASTERA
100 Hari Membina Malaysia Baharu
Ilusi Dalam Mimpi Realiti
RATU RIMBA NIAGARA

PUSTAKA PERDANA



1013552



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

GEMA SASTERA
100 Hari Membina Malaysia
Baharu
Ilusi Dalam Mimpi Realiti
RATU RIMBA NIAGARA

HAK CIPTA TERPELIHARA

Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh dicetak semula, disalin atau dipindahkan dengan apa jua cara sekalipun, samada dalam komputer, fotokopi, filem dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada penerbit secara bertulis.

Diterbitkan oleh:

SEMAI BUDIMAN ENTERPRISE
raturimbaniagara2014@gmail.com
raturimbaniagara.com

Untuk Pesanan Buku:
WHATSAPP 017 255 9582

EDITOR

Ratu Rimba Niagara

Grafik

REEZGRAPHIC VENTURE

Gema Sastera

100 Hari Membina Malaysia Baharu
Ilusi Dalam Mimpi
Ratu Rimba Niagara
ISBN 978-983-2962-37-3
I. Sastera Melayu. I. Judul.

Ditaja oleh:

BURAQ WATCHES
COUNTERCLOCKWISE

Dicetak oleh:

REEZGRAPHIC
reezgraphic@gmail.com

Diedarkan oleh:

PERNIAGAAN REMAJA
WAWASAN

899.2313

RAT

SAJAK UNTUK TUN MAHATHIR

Tun Mahathir...

apa yang terbuku di hatimu
kami seluruh rakyat Malaysia faham
betapa kau rela korbankan dirimu
demi kerana sayangkan rakyat dan negara

Tun Mahathir...

walaupun usiamu melewati senja
kau tetap bersemangat seperti seorang wira
walaupun kudratmu tinggal hanya sisa-sisa
kau terus kuat
sedangkan jiwamu terseksa
luka yang terlalu dalam
kau bebat lukamu sendiri
agar sentiasa kuat demi rakyat
yang kau kasihi sepenuh jiwa ragamu

Tun Mahathir...

kau ketepikan segala kepentingan sendiri
sedangkan kau boleh saja beristirahat
bersama isteri tercinta
yang lebih menyayat hati
kau mengaku kesilapanmu
memohon maaf kepada semua kawan
seperjuangan dan seluruh rakyat Malaysia
air matamu tertumpah di hati kami!

Tun Mahathir...
kerana kerendahan hatimu
kami seluruh rakyat Malaysia
bangkit bersama citamu
untuk menebus segala kekhilafan
yang dilakukan pemimpin terkini
inilah masanya kita hidupkan
gelombang rakyat dengan memberi
kemenangan kepada PAKATAN HARAPAN

Tun Mahathir...
senyumlah
gerhana di hatimu
kami balas dengan pelangi indah
seindah pelangi di malam hari
senyummu dan senyum seluruh rakyat Malaysia
terpatri sampai Syurga
insya-Allah Aamiin

Karya Ratu Rimba Niagara
19 Sya'aban 1439H
4 Mei 2018
(Sajak dikarang istimewa untuk Tun Mahathir yang
dikasihi dunia Akhirat, terima kasih kerana sudi menjadi
Perdana Menteri kami buat kali keduanya. Amat terharu
hingga saat ini, Tun Mahathir rela menjadi lilin seumur
hidup demi rakyat dan negara tercinta. Moga Allah SWT
membalas Syurga Firdaus untukmu. Aamiin Ya Rabbal
A'Lamiin)

TERIMA KASIH TUN MAHATHIR

Aku menyanjungimu
di sebilang masa
di setiap ketika
kau tetap di hatiku!

Jasamu bak gunung
tak dapat dibalas
walaupun dengan kata-kata
kau idolaku
kau sumber inspirasiku!

Perjuanganmu tepat dan jelas
walau apapun jua rintangan
yang datang
kau harungi penuh tabah

Kau menabur budi
bukan untuk dibalas
cukuplah sekadar ucapan,
"Terima Kasih!"

Kau menyemarakkan semangat
patriotik di jiwa rakyat!
kau kata, "Rakyat Boleh!"
Rakyat jawab, "Malaysia Boleh!"

Biar apa jua tohmahan dan kritikan
yang dilemparkan!
kau tetap berdiri teguh
dengan keyakinan
berpijak di bumi nyata!

Pembangunan! Kemajuan!
pesat membangun!
rakyat kagum!
kepimpinanmu terbukti **hebat!**

Keakrabanmu sesama pemimpin erat!
dengan rakyat ada keeratan yang
lebih kukuh lagi!
hinggakan rakyat
tidak dapat melupakanmu!

Kau terus menabur bakti tanpa
mengira bangsa dan keturunan
kau pencerna semangat
perpaduan kaum!

Laungan suaramu
bergema di seluruh pelosok dunia
kau wira bangsa yang dikagumi!
lagi dihormati!

Setiap butiran kata-katamu
menjadi perhatian setiap
yang mendengar!
rakyat kagum!
dunia terkesima!

"Tahniah Malaysia!" kata-kata
yang terlafaz dari mulut mereka

Kau pencetus keamanan
banyak negara miskin akibat perang
kaulah pembelanya!
laungan suara kedamaian bergema
di seluruh pelosok dunia!

Bangganya kami...
punyai pemimpin sepertimu!
perjuanganmu luhur dan suci!

Semoga kau sentiasa dilimpahi
rahmatNya dunia Akhirat
atas segala kebaikan yang
telah kau curahkan
pada Malaysia dan dunia

Budimu sentiasa dalam lipatan hatiku!
bahkan rakyat semua menyanjungimu
jua warga dunia!

Malaysia boleh!
Aku sentiasa benarkan
Hanya itu aku harapkan
Aku terus
Tabah
Hadapinya
Insya-Allah
Rakyat sentiasa di hatiku!

GEMA SASTERA
100 HARI MEMBINA MALAYSIA BAHARU
ILUSI DALAM MIMPI REALITI

Terima kasih Tun Mahathir
kau rela menjadi lilin untuk kami
akan kami kenang sepanjang hayat
moga kasihmu kasih rakyat jelata
terpatri sampai Syurga
insya-Allah Aamiin

Karya Ratu Rimba Niagara
24 Sya'aban 1439H
10 Mei 2018

(Sajak dikarang istimewa untuk Tun Mahathir dan seluruh rakyat Malaysia yang menyokong PAKATAN HARAPAN, "Setiap rakyat sentiasa ada harapan untuk direalisasikan impian kerana Tun Mahathir Perdana Menteri Malaysia Ke-7 dan barisan kabinetnya sentiasa bersedia berkhidmat menabur bakti pada rakyat)

TUN MAHATHIR

**Terima kasih
Untukmu
Negarawan negaraku!**

**Malaysia boleh!
Aku sentiasa benarkan
Hanya itu aku harapkan
Aku terus
Tabah
Hadapinya
Insya-Allah
Rakyat sentiasa di hatiku!**

**Karya Ratu Rimba Niagara
12 Mei 2018**

**(Terima kasih Tun Mahathir kerana sudi menjadi lilin
untuk kami rakyat Malaysia, air matamu air mata rakyat
Malaysia juga, sejujurnya rakyat sentiasa mengenang jasa
dan pengorbanan Tun Mahathir selagi hayat dikandung
badan, kami sayang Tun Mahathir hingga hujung nyawa)**

SAYA WARGANEGARA MALAYSIA

**Saya warganegara Malaysia
yang mengamalkan rukun negara
sentiasa mendaulatkan Institusi diRaja
oleh semua rakyat Malaysia
setia kepada Raja
setia kepada Negara
termasuk rukun negara yang kedua.**

**Rakyat negara saya terdiri daripada
pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan
India.**

**Walaupun berbeza agama,
bahasa, budaya dan warna kulit
kami hidup aman damai tanpa sebarang sengketa.**

**Kami hidup bersatupadu, tolong
menolong dan saling hormat menghormati.**

**Perdana Menteri saya yang ke-7
namanya YAB Tun Mahathir Mohamad.**

**Saya menghargai Perdana Menteri ke-7
kerana dapat mencetuskan idea
100 Hari Membina Malaysia Baharu
di bawah pemerintahan PAKATAN HARAPAN.**

**Saya yakin selepas 100 Hari
semua manifesto yang telah diikrarkan berjaya
berkat kesepakatan di antara pemimpin dan rakyat.**

GEMA SASTERA
100 HARI MEMBINA MALAYSIA BAHARU
ILUSI DALAM MIMPI REALITI

Malaysia Baharu yang telah lama diimpikan oleh semua rakyat yang menyokong PAKATAN HARAPAN menjadi kenyataan hidup sejahtera aman damai memburu cita-cita murni agar dapat diwariskan kemerdekaan Malaysia kepada generasi akan datang!

Pemimpin dan rakyat akan pertahankan Kemerdekaan Malaysia sehingga ke titisan darah terakhir kerana kami sayangi Malaysia selagi hayat di kandung badan!

**Karya Ratu Rimba Niagara
16 Ramadan 1439H
1 Jun 2018**

(Puisi diilhamkan istimewa untuk semua kanak-kanak Malaysia agar menyayangi negara sejak dari kecil lagi)

TUN MAHATHIR SABAR APABILA DIZALIMI

Kami rasa Tun tidak perlu berjanji apa-apa terhadap rakyat sebab selama 22 tahun pemerintahannya Tun tidak pernah berjanji tapi apa yang Tun cakap Tun pasti akan buat. He did his way. Itulah Tun M.

Diarah tinggalkan Petronas tanpa sebab, Tun akur.
Diarah keluar dari Proton, Tun akur.
Ditarik balik keistimewaan polis pengiring, Tun akur.
Ditarik balik darjah kebesaran Kelantan, Tun akur.
Dihalang dari menziarahi pusara Allahyarham TGNA, Tun akur.
Dihalang dari mendaftar parti, Tun akur.
Digunting, di tampal gambar wajahnya, Tun akur sambil senyum saja.
Dicaci, dihina, Tun diam saja sambil tersenyum
Di gelar tiang buruk, tiang inilah yang masih berdiri kukuh sampai saat ini!
Dihalang dari menegaskan kebenaran, itu Tun lawan demgan team barunya!

Setiap perubahan ke arah pembaikan perlukan masa. Bagi ruang untuk pucuk pimpinan baru ini. Kita tidak berada ditempat mereka jadi kita tidak merasa keperitan dan dugaan yang mereka alami selama ini.

Sebak perhatikan Tun tatkala mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia dalam usia 93 tahun. Nampak keletihan Tun tapi dalam masa yang sama terpancar semangat untuk pulihkan negara. Untuk siapa? Untuk kita semua rakyat Malaysia!

Jadi,doakan yang **terbaik** untuk mereka ini. Kuasa di tangan rakyat dan ini sudah terbukti.

Semoga Allah sentiasa melindungi Tun Mahathir kami.

#weareMalaysian
#hapuskanrasuah
#hapuskan kroni
#bersatutegakkankeadilan

p/s : baca dan faham dengan hati yang jujur. Gunakan akal untuk berfikir secara logik & rasional.

Oleh: Suara hati rakyat Malaysia pemikiran baharu.

**KEMENANGAN ITU MEMERLUKAN PERJUANGAN
BUKAN PERKATAAN**

"Hai orang yang berselimut, bangun dan bangkitlah"
"Salamunqaulammirrabirrahim"

Kemenangan itu memerlukan perjuangan, bukan perkataan melainkan dengan perbuatan yang nyata agar kemenangan itu tercapai, bukan kemenangan angan-angan yang membuatmu menjadi penghaya, sedikit bicara banyak bekerja!

Dengan ingatan tulus ikhlas daripada,
Ratu Rimba Niagara
5 Ramadan 1439H
21 Mei 2018

GEMA SASTERA
100 HARI MEMBINA MALAYSIA BAHARU
ILUSI DALAM MIMPI REALITI

TERIMA KASIH RAKYAT MALAYSIA!

Terima kasih rakyat Malaysia atas sokongan serta undi yang diberikan sehingga PAKATAN HARAPAN berjaya membentuk kerajaan dan YAB Tun Dr Mahathir bin Mohamad menjadi Perdana Menteri yang ke 7. Teruskan kemaraan agar Malaysia menjadi negara yang maju di mata dunia.

13hb Mei jam 9.12 ptg ·

Sewaktu Bersih 1,2,3,4, 5, duduk tepi Jalan bersama rakyat..untuk Boikot cara najib rosakan Malaysia

Kini jadi Perdana Menteri Malaysia ke 7...Sila komen hebat kepada Tun M atau komen Terbaik Tun M dan Jom viral kan dengan Share semua dalam group kalau sayang Tun M...

Dr. Mahathir bin Mohamad telah mengemaskini foto kulit mereka.

15hb Mei jam 1.15 ptg·

Kelab Che Det sedang bersama Lawrence Chan dan 9 yang lain.

16hb Mei jam 12.27 ptg · Kuala Lumpur ·

“Saya risaukan kesihatan Tun yang tak cukup tidur, waktu tidur beliau digunakan untuk teliti setiap dokumen kerajaan, dalam satu malam beliau teliti lebih 200 dokumen sehingga 4-5 pagi, 7 pagi beliau sudah ada di pejabat.” – Tun Siti Hasmah.

“Moga Tun Mahathir sentiasa menjaga kesihatan rehat yang cukup. Jika Tun Mahathir sakit nanti rakyat juga yang susah. Sebab rakyat sayang Tun Mahathir sangat-sangat”

“Moga Tun Mahathir dan barisan kabinet Pakatan Harapan dapat memartabatkan sastera rakyat dari rakyat untuk rakyat”

Tun Mahathir budi baikmu sentiasa dikenang terima kasih relakan dirimu menjadi lilin sepanjang hidupmu untuk kami rakyat Malaysia. Kami sayang Tun Mahathir sampai Syurga. Aamiin

Ashraf Zaim Perubahan mengambil masa. Tapi aku yakin dengan kepimpinan Tun Mahathir dan kerajaan baru Pakatan Harapan untuk melaksanakan semua manifesto pakatan harapan. Beri masa dan ruang untuk Tun Mahathir merangka formula dan strategi untuk mengukuhkan semula kedudukan ekonomi negara kerana terlalu banyak beban dan masalah yang ditinggalkan oleh kerajaan parti biru tua sebelum ini.
#HidupTun

Dr Mahathir Mohamad
21hb Mei jam 11.00 pagi · Instagram ·

Pagi ini saya bersama dalam satu majlis bersama warga Jabatan Perdana Menteri memberi ucapnama di Dataran Perdana, Perdana Putra, Putrajaya.

Saya bersyukur sehingga kini saya tidak hadapi masalah dengan kerjasama daripada pegawai-pegawai sedia ada.

Saya juga menekankan bahawa para pentadbir perlu kembalikan nama baik negara yang begitu dihormati sebelum ini. Kerjasama semua anggota pentadbir sangat diharapkan untuk memulihkan negara.

Dr. Mahathir bin Mohamad telah bersiaran langsung.
16hb Mei jam 3.03 ptg ·

SIDANG MEDIA YAB PERDANA MENTERI
(16/05/2018)

Dr Mahathir Mohamad
19hb Mei jam 12.30 ptg · Instagram ·

YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menerima kunjungan hormat dari Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong pagi ini. Mereka berbincang selama 30 minit mengenai hubungan dua negara - Admin @ Putrajaya
Jabatan Penerangan

Berita Harian Online
14hb Mei jam 9.33 pagi ·

PERDANA Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad tiba di Yayasan Kepimpinan Perdana untuk mempengerusikan mesyuarat khas bersama Ketua Setiausaha Negara dan Ketua - Ketua Setiausaha Kementerian.

Penyokong Hijau Kuning berkongsi pautan pada kumpulan: UNIT PAKATAN HARAPAN OFFICIAL (MALAYSIA BARU).
21hb Mei jam 2.27 pagi

Ya Allah
Panjangkan umurnya
Berikan kesihatan yang baik buatnya
Murahkan rezekinya
Permudahkan segala urusannya
Aamiin...kami sentiasa ada dibelakang Tun Mahathir.

PERJUANGAN TERAKHIR Tun Mahathir bin Mohamad,
"Aku sudah di penghujung nyawaku"

AKU SUDAH DI PENGHUJUNG NYAWAKU

Aku sudah di penghujung nyawaku
Aku hanya mahu menghabiskan sisa-sisa hidupku
dengan bersimpuh dan bersujud pada Yang Esa
Namun bagaimana aku bisa khushyuk dalam khalwatku
Kerana tika ku pejamkan mata
Aku melihat anak bangsaku dikotak-katikkan
Aku nampak hak generasi mudaku dirobek-robek
Dek tangan-tangan rakus yang berqiblatkan syaitan!

Aku tahu aku perlu berbuat sesuatu
Aku bukan orangnya untuk diam berpeluk tubuh
Memerhatikan segala macam kemungkaran, segala
macam salah laku dan segala macam noda
Yang dibuat tanpa sebarang rasa berdosa.

Ya Allah Ya Tuhanku
Kini aku tahu kenapa Kau memanjangkan nyawaku
Dengan sifat Rahman dan RahimMu, pada usia 93 tahun
aku masih boleh berdiri gagah, masih dikurniakan
kesihatan yang baik, masih berfikiran waras dan masih
bersemangat waja
Dalam menghadapi perjuangan terakhirku.

Syukur Alhamdulillah
Dengan izinMu aku telah berjaya
Mempertahankan yang Haq, menundukkan yang Bathil.

Mudah-mudahan selepas ini aku dapat memejamkan
mataku dengan tenang.
Semoga rohku dapat bertemu Penciptanya dengan aman.

Cuma satu pintaku
Setelah aku pejam mata
Janganlah diperbesar-besarkan namaku
Jangan nukilkan apa-apa tentangku
Anggaplah segala-galanya jariahku
Sebagai bekalanku di akhirat kelak.

Andai sudi, tika itu cuma hadiahkanlah Al-Fatihah
untukku...
Moga jadi pendinding menghadapi Munkar dan Nangkir
Moga jadi bekal bersoal-jawab di Mahsyar
Moga jadi modal bertemu Yang Khaliq.
Aamiin Ya-Rabbal A'Lamiin.

Karya Tun Mahathir Muhammad
5 Mei 2018

Penyokong Hijau Kuning berkongsi pautan pada
kumpulan: **UNIT PAKATAN HARAPAN OFFICIAL**
(MALAYSIA BARU)
19hb Mei jam 10.21 ptg

Wajah tua ini yang memegang tampok pemerintahan
Wajah tua ini yang mengorbankan masa tuanya demi
negara tercinta
Wajah tua ini yang berjuang bangkit mengubat
segala masalah negara
Wajah tua ini yang menghabiskan waktu tuanya
Wajah tua ini tak kenal erti penat dan lelah
Wajah tua ini yang tidurnya hanya 2 jam sehari
Wajah tua ini yang kuatkan dirinya semampunya
Wajah tua inilah yang akan kita kenang sampai bila-bila
Wajah tua inilah sumber kekuatan anak bangsa
Dan wajah tua ini lah yang akan kita ceritakan pada
anak-anak siapakah beliau dalam negara MALAYSIA.
Moga Allah swt panjangkan umur & sihatkan TUN
MAHATHIR MOHAMAD. Aamiin

Oleh: Penyokong Hijau Kuning
19 Mei 2018

Suara Anak Sabah sedang bersama **Musliadi Mustala**
12hb Mei jam 4.25 ptg .

Pada Usia 93 Tahun Kamu Maki Hamun Dia , Pada Usia 93 Tahun Kamu Cakap Dia Nyanyuk , Pada Usia 93 Tahun Kamu Suruh Dia Berehat Dari Berpolitik Dan Pada Usia 93 Tahun Jugak Kamu Cuba Cederakan Dia , Dia Tak Pernah Putus Semangat , Tak Pernah Takut Dan Gentar, Tak Pernah Mengalah Walau Dihentam , Beliau Tetap Dengan Semangat Perjuangannya Untuk Bela Bangsa & Negara , Beliau Sanggup Merantau Pelosok Malaysia, Beliau Sanggup Korbankan Masa Yang Beliau Sendiri Sedar Tak Banyak , Tapi Beliau Tetap Berdiri Teguh Perbaiki Negara Yang Beliau Cintai (MALAYSIA) . Bayangkan Kalau Kita Berada Umur Seperti Beliau , Adakah Mampu Kita Buat Seperti Apa Yang Beliau Buat? Beliau Kembali Bertugas Kerana Kita , Kerana Rakyat Malaysia , Kerana Negara . Beliau Sanggup Tinggalkan Parti Kesayangan Beliau Dan Sertai Parti Musuh Beliau Ketika Memerintah Dulu , Sanggup Dihina , Sanggup Dicaci , Namun Semua Tu Bukanlah Penghalang Untuk Dia Terus Berjuang . Hargailah Perjuangan Beliau Selagi Dia Masih Ada, Sesungguhnya Kita Pasti Akan Merindui Orang Tua Ini , Akan Aku Ceritakan Pada Anak Cucu Aku Nanti Tentang Jasa & Pengorbanan Beliau Agar Nama & Jasa Beliau Tidak Akan hilang Ditelan Zaman . Semoga Allah Memberkati Perjuangan Dan Hidup Tun Dr Mahathir Muhammad. Jom Aamiinkan Semoga Allah Berkati Perjuangan Dan Hidup Tokoh Negarawan Kita Dan Kita Doakan Semoga Malaysia Kita Akan Menjadi Negara Yang Disegani Dunia Seperti Ketika Beliau Memerintah. Aamiin

TUN MAHATHIR DARI MATA RAKYAT BIASA
20hb Mei jam 9.43 pagi

Dari matak,
seorang rakyat biasa,
Melihat seorang tua,
Yang telah habis zamannya,
Masa kegemilangannya,
Telah diam dan tidur,
Namun dikejut dari lenanya,
Melihat jatuh permata hatinya,
Negaranya, Malaysia.

Dari matak,
Aku melihat seorang tua,
Terjun ke dalam lumpur,
Mengotorkan dirinya,
Dihina dan dicaci setiap hari,
Walau sebenarnya,
dia mampu untuk diam,
Menikmati hari-hari tuanya,
Dia tetap bangkit,
Berjuang demi kekasihnya,
Negaranya,
Malaysia.

Andai satu hari,
Anak cucuku bertanya,
Siapakah wira terhebat Malaysia,
Dengan bangga aku katakan,
Dia insan luar biasa,
Seorang tua di umur 93 tahun,

**Yang berjuang di usia senjanya,
Demi negaranya, Malaysia.**

**Hari ini,
Satu nama yang akan kekal terpahat,
Dalam hati setiap rakyat Malaysia,
Kau telah buktikan,
Negara ini bukan milik sesiapa,
Ia milik kita semua,
Maruah kami rakyat Malaysia,
tak akan boleh dijual beli.**

**Terima kasih,
Dari seorang rakyat biasa,
Dengan penuh rasa hormat,
Buat seorang tua,
Permata Malaysia,
Tun Dr Mahathir Bin Mohamad**

**Karya Rakyat Biasa
20 Mei 2018**

LGE dalam proses Tun.

Awat lambat sangat, pi siap cepat cepat brim dan royalti tu.

Errr...pasal Tol tu tun? Takpa tu nanti saya panggil konsenssi tggk macam mana kita forfeited kos depa..

Kemudian semua bangun, aku sempat menoleh kebelakang sebelum berlalu pergi, aku melihat Tun M mencarik tisu diatas mejanya mengesap matanya. Mungkinkah Tun M menangis lagi??

Inilah manusia yang kalian hina dan caci dia, tapi kalian tak tahu, sebelah tangan nya sarat hutang negara yang dibuat oleh durjana Najib, sebelah tangannya lagi masih kosong tapi dia nak bagi juga pada rakyat.

Dia pernah melakukan kesilapan, dia akan tebus kembali, beri dia ruang dan peluang, jangan terlalu mendesak, dia tak pernah ambil cuti rehat sejak jadi PM, bekerja 18jam sehari, hanya kerana satu sebab, nak lihat rakyat gembira dan Negara pulih semula.

Ya Allah, berikan lah kesihatan dan keselamatan kepada Tun M.

PETIKAN PAGE BERSATU RAKYAT LOVE TUN M

DATUK SERI ANWAR BEBAS DARI PENJARA!

16hb Mei jam 7.51 ptg

Yang ditunggu-tunggu telah pun tiba. Sudah lama kami semua menunggu pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim (DSAI). Rasa terharu, gembira dan teruja diatas pembebasan beliau. Namun, timbul sedikit rasa hiba dan sedih melihat DSAI semakin kurus dan sedikit keuzuran. Mampukah beliau mentadbir negara ini? Kita sama-sama doakan beliau sentiasa sihat dan diberi kekuatan untuk menjaga negara kita dengan baik. Maka dengan ini saya akan menyokong sepenuhnya bakal Perdana Menteri ke-8 Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim! Hidup DSAI! Reformasi!

Alhamdulillah pemimpin berjiwa rakyat telah kembali! Insyallah nasib rakyat akan terbela dengan pemerhatian Datuk Seri Anwar Ibrahim! Reformasi!

11hb Mei jam 6.23 ptg .

Selepas rakyat bergembira dengan kemenangan Pakatan Harapan, sekali lagi kita bergembira dengan pembebasan Anwar Ibrahim.

Insyallah, masa depan Malaysia bakal kembali gemilang

GURINDAM JIWA UNTUK DATUK SERI ANWAR IBRAHIM

Subhanallah
sejuk perut ibumu
mengandungkanmu
melahirkanmu
membesarkanmu
mendidikmu
dengan ilmu dunia
jua ilmu Akhirat
kau menjadi
anak soleh
Alhamdulillah
Syukur padaNya
kerana dikurniakan
seorang anak
yang berjiwa pemimpin
sanggup berkorban
demi rakyatnya
suka duka bersama
derita rakyat
air mata rakyat
pemasalahan rakyat Malaysia
ingin dikongsi bersama
lalu difikir
diselesaikan dengan
semampu mungkin
sekudrat pemikiran
diperah habis
peluh setitik

tidak dipersiapkan
kerana terlalu
amat berharga
untuk rakyat tersayang
untuk negara tercinta
maka bergemalah
lagu patriotik
'Kusayaang Rakyatku DemiNya'
di setiap pelosok bumi bertuah Malaysia
di bawah pimpinanmu
dan disahut penuh gemuruh
lagu rakyat untuknya
'Pemimpin Kasihmu Abadi Di Hati Kami'
siapa yang mendengar
pasti mengharu-birukan kalbu
lalu menangislah
pemimpin kesayangan rakyat itu
bersama-sama dengan rakyatnya
lalu mengundang rahmat
Tuhan Yang Menguasai Langit Dan Bumi
suasana sepi seketika
bertafakur dalam kesyukuran padaNya
Allahu Akbar
dengan KebesaranMu Tuhan
Kau kurniakan seorang pemimpin
berjiwa rakyat
kami syukuri dalam sujud!
kami sayang pemimpin kami
hadirnya kami hargainya
perginya, kami iringi doa restuMu

**Kau balaslah segala bakti ikhlasnya
dengan SyurgaMu
kami ingin bersamanya di Syurga juga
Aamiin Ya Rabbal A'Lamiin**

Karya Ratu Rimba Niagara

3 Ramadan 1439H

19 Mei 2018

(Sastera diilhamkan istimewa untuk Datuk Seri Anwar Ibrahim. Terima kasih membela nasib seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Kami amat terharu atas pengorbanan Datuk Seri Anwar Ibrahim sanggup dipenjara selama 20 tahun demi rakyat dan negara, akan kami kenang selagi hayat di kandung badan)

SASTERA RAKYAT DARI RAKYAT UNTUK RAKYAT

“Sastera rakyat dari rakyat untuk rakyat direalitkan oleh PAKATAN HARAPAN kerana perjuanganmu sasteraku”

RATU RIMBA NIAGARA & CITA-CITA

Menulis sejak 1975 hingga sekarang.

Kursus Penulisan Yang Dihadiri Anjuran:

Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN), DBP, GAPENA, Persatuan Karyawan Nusantara, ASWARA, KALAM Dan PENA.

Minat berkarya sejak usia 9 tahun hingga kini, karya bertemakan KETUHANAN, Kemanusiaan, Alam, Kenegaraan, Politik, Peperangan, Kesatria, Kerohanian dalam bentuk Puisi, Pantun, Gurindam, Syair, Teater Bangsawan DiRaja, Novel, Cerpen dan Buku Kreatif Kanak-Kanak Sesuai Dijadikan Filem Animasi Nusantara dan Antarabangsa. Bercita-cita Mempunyai 'KOTA SASTERA RAKYAT', Galeri Dan Perpustakaan RATU RIMBA NIAGARA.' Semua bahan sastera Ratu Rimba Niagara dijadikan produk pelancongan yang diminati semua Rakyat Nusantara sebagai tanda kasih sayang Ratu Rimba Niagara kepada semua generasi kini dan akan datang!

 *Ratu Rimba*
N I A G A R A



ISBN 978-983-2962-37-3

